



KESALAHAN KHALWAT DAN PERBUATAN TIDAK SOPAN DAN HUKUMANNYA MENURUT ISLAM (Offences Of Close Proximity And Indecent Acts And Their Punishment In Islam)

AINUL BASHIRAH BT ISMAIL
ZULIZA BT MOHD KUSRIN*
MAT NOOR MAT ZAIN

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kesalahan khalwat dan perbuatan kurang sopan adalah dua bentuk kesalahan jenayah syariah yang mempunyai pengertian berbeza. Peruntukan perundungan dan hukuman terhadap kedua-dua kesalahan tersebut telah dinyatakan dalam enakmen kesalahan jenayah negeri-negeri di Malaysia. Kertas kerja ini bertujuan membincangkan definisi khalwat dan perbuatan tidak sopan menurut perspektif Islam. Fokus perbincangan menjurus kepada definisi kesalahan khalwat dan perbuatan tidak sopan serta larangan-larangan perbuatan tersebut berdasarkan al-Quran dan al-Hadith. Perbincangan ini juga mengupas hikmah pengharaman perbuatan khalwat dan perbuatan tidak sopan. Bagi melengkapkan perbincangan ini, penulis juga mengupas bentuk-bentuk hukuman bagi kesalahan khalwat dan perbuatan tidak sopan. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kajian kepustakaan iaitu analisis dokumen seperti buku-buku, artikel-artikel dan kes-kes mahkamah yang berkaitan. Kajian hanya merujuk kepada Enakmen Jenayah Syariah Negeri Perak dan kes-kes yang diputuskan di negeri Perak. Hasil kajian mendapat perbezaan dari segi definisi khalwat dan perbuatan tidak sopan di dalam Islam namun dari segi hukumannya tidak terdapat perbezaan kerana kedua-dua kesalahan ini dikategorikan sebagai kesalahan hukuman takzir. Hukuman bagi kesalahan jenayah khalwat adalah lebih berat berbanding perbuatan tidak sopan, sebagaimana dinyatakan dalam enakmen negeri-negeri.

Kata Kunci: khalwat, perbuatan tidak sopan, hukuman, takzir, haram, zina

*Corresponding author: Zuliza Bt Mohd Kusrin, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia, E-mail: zulizi@ yahoo.co.uk
Diserahan: 18 April 2012
Diterima: 4 Jun 2012
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2012-0402-04>

ABSTRACT

Close proximity and indecent acts are two types of Islamic criminal law offences that convey different definition. Law provisions on both offences are provided in the shariah crime enactment of states. This article aims to discuss the concept of the close proximity and indecent acts according to Islamic law. The focus of the discussion is on the definition of close proximity and indecent acts and their prohibition, based on al-Quran and al-Hadith. It also elaborates on the significance of prohibiting those acts in Islam. It also discusses the type of punishment for those offences. This article uses library research and content analysis methods. The data gathered from books, articles and related court's cases is analysed and conclusion are made. The study is limited to the Shariah Crime Enactment of the state of Perak and their relevant cases. The research reveals that there are differences between the definition of the close proximity and indecent acts according to Islamic law. However, in terms of their punishments, both offences are categorized under ta'zir. The punishment of the offence of the close proximity is severe than the indecent acts, as stated in the states' provisions.

Keywords: close proximity, indecent acts, punishment, *ta'zir*, prohibited, prostitute.

PENGENALAN

Pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan adalah punca kepada perbuatan khalwat dan perbuatan tidak sopan. Islam melarang keras perbuatan tersebut kerana sifatnya yang merapatkan hubungan antara lelaki dan wanita yang bukan *ajnabi* boleh mendorong pasangan tersebut berkelakuan tidak sopan, berkhawat yang kemungkinan besar terjerumus dengan perzinaan. Zakaria (1995) dalam bukunya bertajuk *Akidah dan akhlak dalam kehidupan muslim* menjelaskan bahawa antara faktor yang menyebabkan keruntuhan akhlak di kalangan pekerja kilang di Selangor ialah pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Menurut Siti Hajar (2002) dalam bukunya *Bimbingan pendidikan seksual untuk remaja Islam* seseorang yang terjebak dengan seks bebas, kebanyakannya adalah ekoran daripada berkhawat atau duduk bersunyi-sunyian antara lelaki dan perempuan. Secara psikologi, lelaki dan perempuan yang bukan mahram yang sedang berdua-duaan akan mudah mengalami total refleks, iaitu keadaan di mana seorang wanita tidak mampu berbuat apa-apa pada saat lelaki ter dorong melakukan hubungan seksual dengannya.

Khalwat dan perbuatan tidak sopan telah ditakrifkan sebagai dua perkara yang berbeza menurut Hukum Syarak dan Undang-undang Pentadbiran Islam Negeri-negeri. Amran (1993) dalam bukunya *Masalah sosial dan hubungannya*

dengan didikan agama membincangkan kes-kes kesalahan-kesalahan jenayah yang dibicarakan di Negeri Johor seperti kesalahan-kesalahan minum minuman dalam bulan Ramadhan, berkhhalwat, perbuatan tidak sopan, persetubuhan haram, bersekedudukan, pelacuran dan kesalahan muncikari. Abdul al-Rahman Syawki al-Fannjari (1987) dalam bukunya *al-Ikhtilat fi al-din wa al-tarikh wa fi 'ilm al-ijtima'* secara sepintas lalu telah membincangkan konsep khalwat dengan membandingkannya dengan konsep *ikhtilat*. Abdul Al-Rahman al-Jaziri (1969) dalam bukunya *al-Fiqh 'ala al-madhahib al-arba'ah* menjelaskan beberapa kelakuan yang dianggap sebagai khalwat iaitu apabila berlaku pembatalan akad perkahwinan. Artikel ini akan membincangkan perbezaan antara khalwat dan perbuatan tidak sopan, hukuman yang diperuntukkan untuk kesalahan tersebut dan hikmah-hikmah larangannya.

Takrif Khalwat

Perkataan khalwat dalam bahasa Arab berasal daripada kata kerja (خل) iaitu berseorangan (al-Bustani t.th). Terdapat juga penggunaannya yang membuat maksud lain, sebagai contoh di dalam kata terbitan (خلوة) yang bermaksud sunyi (al-Marbawi t.th). Kamus Dewan mendefinisikan perkataan khalwat sebagai perihal perbuatan pengasingan diri berdua-duaan di tempat yang terpencil atau tersebunyi, oleh lelaki dan perempuan yang bukan mahram dan bukan pula suami isteri sehingga dapat dianggap sebagai suatu perbuatan yang sumbang (Teuku Iskandar 2000). Menurut kamus Besar Bahasa Melayu, khalwat bermaksud perbuatan mengasingkan dan memencilkan diri, duduk seorang diri dan berdua-duaan di dalam keadaan sumbang di tempat yang terpencil di antara lelaki dan perempuan yang tidak berkahwin (Zainal Abidin Safarwan t.th).

Menurut istilah pula para ulama mentakrifkannya sebagai berseorangan atau sebagai tempat menenangkan fikiran daripada pelbagai hal dengan hanya mengingati Allah SWT semata-mata (Said al-Syartibi t.th). Mengikut Hanafi, Maliki, Shafie dan Hambali istilah ini dirujuk kepada hubungan suami isteri yang tinggal berdua-duaan sama ada berlaku persetubuhan atau sebaliknya. Namun ia akan terkecuali jika wujud sebab-sebab yang menghalang berlakunya persetubuhan (Mahy ad-Din Sabir et al. t.th). Menurut istilah, pengertian khalwat ini boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu *khalwat sahihah* dan *khalwat ihtida*' ('Abd Rahman al-Jaziri 1969).

Menurut hukum Islam yang tidak dikanunkan seperti mana yang terdapat di dalam kitab-kitab fekah dan hadis-hadis Rasulullah saw, pengertian khalwat diberikan dalam bentuk yang berbeza-beza daripada pengertian khalwat yang dinyatakan menurut hukum Islam yang telah dikanunkan dan diperundangkan di dalam undang-undang Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri di Malaysia. Pengertian khalwat menurut kitab-kitab fiqh dan hadis-hadis Rasulullah saw

adalah merujuk kepada perbuatan khalwat atau bersekedudukan di antara pasangan yang *ajnabi*, iaitu pasangan yang belum ada sebarang ikatan yang menghalalkan kedua-duanya. Merujuk kepada khalwat yang berlaku di antara pasangan suami isteri, ulama terdahulu seperti Hanafi, Maliki, Shafie dan Hambali mendefinisikan suami isteri yang bersekedudukan (tinggal bersama) sama ada berlaku persetubuhan atau sebaliknya, kecuali wujud sebab-sebab yang boleh menghalang daripada berlakunya persetubuhan (Muhamad Amin Syahir Ibn ‘Abidin 1996).

1. *Khalwat Sahihah*

Khalwat sahihah ialah khalwat antara sepasang suami isteri dengan berkumpul pada suatu tempat yang terhindar daripada pandangan orang ramai tanpa keizinan mereka yang membolehkan si suami melakukan persetubuhan tanpa wujud sebarang halangan, seperti halangan *hissi*, *tabi'i* atau *syar'i*. Jika gugur salah satu daripada halangan tersebut, khalwat tersebut dianggap sebagai khalwat *fasidah* dan bukan khalwat *sahihah* (Ahmad Nasr al-Jundi 1978). Khalwat *fasidah* adalah sama seperti khalwat dengan orang *ajnabi* (Muhamad Abu Zahrah 1958). Syarat utama di dalam *khalwat sahihah* ini ialah, tidak wujud sebarang halangan yang boleh mendarangkan daripada berlakunya persetubuhan (Ibn Qudamah t.th.). Halangan-halangan tersebut boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pertamanya halangan *hissi /haqiqi*, keduanya halangan *tabi'i* dan ketiganya halangan *syarie*.

Di antara halangan-halangan *hissi* ialah seperti sakit yang dialami oleh pihak seperti suami atau isteri. Halangan *tabi'i* pula ialah seperti wujudnya orang ketiga di antara pasangan tersebut. Kehadiran orang ketiga tersebut sama ada dalam keadaan jaga atau tidur, buta atau celik, dikira sebagai halangan kepada khalwat *sahihah*. Di antara contoh halangan *tabi'i* yang lain ialah seperti kehadiran kanak-kanak yang boleh memahami sesuatu percakapan, orang buta yang sedang tidur (Ibn Qudamah t.th.). Halangan *syarie* pula ialah seperti wujudnya keadaan yang boleh menghalang pasangan suami isteri tersebut daripada melakukan persetubuhan secara *syar'i* seperti salah seorang daripada mereka berpuasa atau dalam keadaan uzur seperti haid (Ibn ‘Abidin 1996). Sekiranya wujud keadaan tersebut, khalwat tersebut tidak dikira sebagai khalwat *sahihah*. Sementara tempat-tempat yang boleh dianggap sebagai khalwat *sahihah* pula ialah seperti khalwat yang dilakukan di padang yang luas dan sunyi, di jalan-jalan yang sunyi, di tepi-tepi tembok yang terhalang daripada pandangan orang ramai dan juga di dalam bilik di sebuah rumah yang didiami oleh orang lain dalam keadaan tertutup (Abd Rahman al-Jaziri 1969). Tempat-tempat seperti masjid, bilik air, tempat-tempat awam yang bebas untuk kegunaan orang ramai tidak dianggap sebagai tempat khalwat *sahihah* (Muhamad Amin Syahir Ibn. ‘Abidin 1996).

Khalwat sahihah boleh disabitkan dengan keterangan-keterangan yang kukuh, seperti keterangan di mana sepasang suami-isteri berdua-duaan pada suatu tempat yang sunyi dari pandangan orang ramai dan tidak terdapat sebarang halangan yang boleh menegah mereka daripada melakukan persetubuhan. Mengenai hukum yang bersangkutan dengan khalwat *sahihah* ini pula, si suami yang tersebut wajib membayar keseluruhan mahar kerana khalwat seperti ini dianggap setaraf dengan persetubuhan (Ahmad Nasr al-Jundi 1978). Si suami juga wajib membayar nafkah, menyediakan tempat tinggal, idah dan suami tersebut diharamkan mengahwini saudara perempuan kepada isterinya. Ulama telah berselisih pendapat di dalam masalah suami yang berkhalwat dengan isteri, tetapi tidak melakukan persetubuhan sehingga mereka bercerai. Ulama Kufah dan Imam Malik berpendapat bahawa diwajibkan ke atas suami isteri tersebut keseluruhan mahar dan idah ke atas isteri tersebut. Sementara menurut Imam Syafii pula, tidak diwajibkan ke atas suami keseluruhan mahar dan idah ke atas isteri sekiranya tidak berlaku sebarang persetubuhan (Muhamad Abu Zahrah 1958).

2. *Khalwat Ihtida'*

Khalwat Ihtida' (اهتداء) ialah berdua-duaan atau bersunyi-sunyian di suatu tempat yang tertutup serta jauh daripada pandangan orang ramai (al-Qurtubi 1935). Ia dinamakan khalwat *ihtida'* kerana terdapatnya suasana sunyi dan kedua-duanya bersunyi-sunyian di antara satu sama lain (Abd Rahman al-Jaziri 1969). Di dalam khalwat jenis ini, si isteri mestilah telah baligh. Sekiranya belum baligh dan dia mendakwa bahawa khalwat *ihtida'* dan persetubuhan telah berlaku dan ini diakui oleh suami, wajib ke atasnya membayar setengah daripada mahar yang telah diwajibkan, manakala setengah lagi daripada jumlah mahar tersebut akan dibayar apabila si isteri telah baligh.

Sementara khalwat merujuk kepada pasangan yang *ajnabi* adalah didasarkan kepada hadis-hadis Rasulullah saw yang jelas merujuk kepada perbuatan khalwat yang belum ada ikatan perkahwinan yang menghalalkan perbuatan tersebut berasaskan kepada perkataan لا تحل له yang terdapat di dalam hadis. (al-Tarmidhi t.th; Ibn Hibban 1993). Sabda Rasulullah saw:

لَا يخْلُونَ رَجُلٌ بِمَرْأَةٍ لَا تَحْلُ لَهُ، إِنَّ ثَالثَهَا الشَّيْطَانُ

Janganlah kamu bersunyi-sunyian dengan perempuan yang tidak halal bagi kamu kerana sesungguhnya orang yang ketiga bagi mereka berdua ialah syaitan.

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa pengertian khalwat yang dinyatakan dalam kitab-kitab fiqah dan hadis-hadis Rasulullah saw adalah merangkumi dua keadaan iaitu khalwat di antara pasangan suami isteri dan khalwat di antara pasangan *ajnabi*.

Sementara khalwat menurut Islam yang dikanunkan dan diperundangkan adalah didasarkan kepada hadis Rasulullah saw (Ahmad t.th):

لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِأَمْرِهِ لَا تَحْلِلُ لَهُ فِإِنْ ثَالَّهُمَا الشَّيْطَانُ إِلَّا حِرْمَ

Janganlah kamu bersunyi-sunyian dengan perempuan yang tidak halal bagi kamu kerana sesungguhnya orang yang ketiga itu adalah syaitan melainkan bersama orang mahram.

Merujuk kepada hadis tersebut, khalwat adalah bermaksud pengasingan diri di tempat-tempat yang terpencil dan tersembunyi oleh lelaki dan perempuan yang tidak berkahwin atau berada berdua-duaan di dalam keadaan yang sumbang di tempat-tempat yang terpencil atau tersembunyi di antara lelaki dan perempuan yang tidak bernikah. Istilah inilah yang telah dikanunkan dan diperundangkan menjadi beberapa peruntukan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam di Malaysia hari ini seperti seksyen 54 (1) dan (2) Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992 yang memperuntukkan kesalahan jenayah khalwat termasuk dalam kategori kesalahan berhubung dengan maruah diri. Seksyen tersebut menyatakan seperti berikut;

- (1) Seseorang lelaki yang didapati bersama-sama dengan seorang atau lebih perempuan yang bukan isteri atau mahramnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah rumah atau bilik atau di tempat yang terasing dalam hal keadaan yang boleh mendarangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
- (2) Seseorang perempuan yang didapati bersama-sama dengan seorang atau lebih lelaki yang bukan suami atau mahramnya di tempat yang sunyi atau di dalam sebuah rumah atau bilik atau di tempat yang terasing dalam hal keadaan yang boleh mendarangkan syak bahawa mereka melakukan maksiat adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Peruntukan tersebut menjelaskan bahawa khalwat menurut hukum Islam yang dikanunkan hanyalah melibatkan pasangan yang ajnabi sahaja. Mengikut undang-undang Jenayah Syariah Perak 1992, khalwat digunakan untuk menunjukkan perbuatan bersuni-sunyian antara lelaki dan perempuan yang boleh membawa kepada *muqaddimah* zina. Justeru itu, istilah kesalahan jenayah yang dipakai dalam enakmen kesalahan jenayah di seluruh Malaysia sekarang merujuk kepada maksud khalwat daripada sudut fiqh. Semua ulama-ulama di Malaysia bersetuju perbuatan berdua-duaan antara lelaki dan perempuan di tempat yang sunyi dinamakan khalwat. Justeru itu kesalahan khalwat itu telah diwartakan di dalam Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992 dan juga negeri-negeri lain di Malaysia.

Enakmen negeri lain yang mempunyai peruntukan sama ialah seksyen 54(1) (2) Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992, seksyen 9 Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988 (Negeri Kedah), seksyen 27 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996, seksyen 9 Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1991 (Perlis), seksyen 29 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1992, seksyen 27 Akta kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997, seksyen 53 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, seksyen 27 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 (Johor), seksyen 61 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 145 Kesalahan Jenayah Syariah di bawah Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (Pindaan 1987), seksyen 9 Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985(Kelantan), seksyen 31 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001, seksyen 84 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995, seksyen 24 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 (Sarawak).

Takrif Perbuatan Tidak Sopan

Takrif ‘perbuatan tidak sopan’ boleh dilihat menurut aspek bahasa dan istilah. ‘Tidak sopan’ menurut Bahasa Arab disebut dengan pelbagai istilah. Antara perkataan yang selalu digunakan ialah *inhiraf* (الاحراف) yang bermaksud terkeluar daripada norma-norma kehidupan yang cenderung kepada sesuatu perkara baru.

Menurut Kamus Dewan, perkataan ‘perbuatan’ membawa maksud segala yang dibuat, tindakan, tabiat. Manakala perkataan ‘tidak’ membawa erti menolak, menghalang, tidak layak, tidak patut atau perbuatan yang menyalahi hukuman (aturan dan lain-lain) perbuatan yang tidak patut dan perkataan ‘sopan’ pula bermaksud hormat, baik budi bahasanya, beradab, baik perangai dan kelakuannya (Teuku Iskandar 2000). Apabila digabungkan menjadi perkataan majmuk perbuatan tidak sopan membawa erti sesuatu gaya hidup, perbuatan atau tabiat yang tidak patut atau menyalahi peraturan. Tingkah laku juga dikenali sebagai sesuatu remaja yang melanggar peraturan dan undang-undang atau berkelakuan yang tidak boleh diterima oleh masyarakat (Azizi 2005).

Mengikut Kamus Longman *Dictionary of Contemporary*, perbuatan tidak sopan ialah kelakuan yang melanggar jangkauan yang diinstitusikan, iaitu jangkaan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah di dalam sesuatu sistem sosial.

Mengikut istilah syarak pula, perbuatan tidak sopan didefinisikan sebagaimana berikut:

لَا يَخْلُونَ رِجْلًا بِمَرْأَةٍ لَا تَحْلِي لَهُ، إِنَّ ثَالثَهَا الشَّيْطَانُ

Perbuatan tidak sopan ialah suatu tindakan yang terkeluar daripada suruhan agama, adab-adab dan akhlak yang digalakkkan oleh Islam (Ibrahim al-Jamal 1990).

Kesemua definisi tentang perbuatan tidak sopan di atas adalah berdasarkan kepada dalil-dalil dalam al-Quran seperti dalam Surah al-Taha 20: 50 dan al-Aclaa 87 : 2-3. Firman Allah SWT (al-Taha 20 : 50):

قَالَ رَبُّنَا الَّذِي أَعْطَى كُلُّ شَيْءٍ خَلْقَهُ ثُمَّ هَدَى

bermaksud:

Tuhan Kami ialah yang telah memberikan kepada tiap-tiap sesuatu : kejadian tabi'inya yang sesuai denganannya, kemudian ia memberikan pertunjuk kepadanya akan cara menggunakannya.

Firman Allah SWT (al-A'la. 87 : 2-3):

الَّذِي خَلَقَ فَسَوَّى وَالَّذِي قَدَرَ فَهَدَى

bermaksud:

Yang telah mencipta (sekalian makhluk-Nya) serta menyempurnakan kejadian dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya. Dan Yang telah mengatur (keadaan makhluk-makhluk-Nya) serta memberikan hidayah pertunjuk (ke jalan keselamatannya dan kesempurnaannya)

Dari segi kebudayaan, perbuatan tidak sopan dinyatakan sebagai kelakuan-kelakuan yang berlawanan dengan nilai-nilai dan amalan kebiasaan di suatu tempat mereka tinggal. Sesuatu perbuatan apabila diulangi akan menghasilkan kebiasaan. Apabila sesuatu kebiasaan itu diterima umum secara meluas ia akan menjadi budaya (Md. Saleh 2006).

Merujuk kepada definisi perbuatan tidak sopan menunjukkan bahawa perbuatan ini adalah perlakuan tidak sopan yang bertentangan dengan hukum syarak di mana-mana tempat awam. Istilah inilah yang telah dikanunkan dan diperundangkan menjadi beberapa peruntukan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam di Malaysia seperti seksyen 57 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992 memperuntukkan kesalahan perbuatan tidak sopan, termasuk dalam bahagian kesalahan berhubung dengan maruah diri juga, sebagaimana kesalahan khalwat. Seksyen tersebut menyatakan seperti berikut:

Sesiapa melakukan perbuatan atau berkelakuan tidak sopan yang bertentangan dengan Hukum Syarak di mana-mana tempat awam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan.

Enakmen negeri lain yang mempunyai peruntukan sama ialah seksyen 57 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992, seksyen 5 Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988(Negeri Kedah), seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah(Negeri Pulau Pinang)1996, seksyen 5 Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1991(Perlis), seksyen 31 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1992, seksyen 29 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997, seksyen 71 Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, seksyen 29 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997(Johor), seksyen 67 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, seksyen 145 Kesalahan Jenayah Syariah di bawah Enakmen Pentadbiran Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 (Pindaan 1987), seksyen 9 Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985(Kelantan), seksyen 34 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir)(Terengganu) 2001, seksyen 83 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995, dan seksyen 26 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 (Sarawak).

Perbezaan Antara Kesalahan Jenayah Khalwat Dan Perbuatan Tidak Sopan

Berdasarkan perbincangan definisi kesalahan jenayah khalwat dan perbuatan tidak sopan, didapati terdapat perbezaan antara keduanya. Khalwat adalah perbuatan berdua-duaan antara lelaki dan perempuan di tempat yang sunyi manakala perbuatan tidak sopan adalah perbuatan yang bertentangan dengan hukum syarak di tempat-tempat awam. Ini menunjukkan bahawa perbezaan yang jelas dari segi definisi adalah, kesalahan khalwat dilakukan di kawasan yang sunyi dan terlindung daripada penglihatan orang ramai manakala perbuatan tidak sopan dilakukan di tempat-tempat yang tidak terlindung daripada penglihatan orang ramai. Jelasnya, keadaan dan suasana tempat adalah faktor utama perbezaan definisi kesalahan jenayah khalwat dan perbuatan tidak sopan.

LARANGAN KHALWAT DAN PERBUATAN KURANG SOPAN

Dalil-dalil pensyariatan pengharaman khalwat telah dinyatakan secara jelas dalam al-Quran dan al-hadis. Hukum berkhawat antara lelaki dan perempuan ajnabi adalah haram. Ini berdasarkan kepada beberapa nas *qat'i* mengenai kes ini seperti surah al-Isra ayat 32. Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرُبُوا الزِّنَى إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

bermaksud:

Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).

Dalam ajaran Islam, apabila ia mengharamkan sesuatu perkara, ia turut juga mengharamkan perkara-perkara yang mungkin membawa kepada pengharaman termasuk cara dan jalan yang akan menjerumuskan manusia kepada perbuatan haram seperti yang dinyatakan oleh Allah SWT (al-Ahzab 33 : 53):

وَإِذَا سَأَلْتُمُوهُنَّ مَتَاعًا فَاسْأَلُوهُنَّ مِنْ وَرَاءِ حِجَابٍ ذَلِكُمْ أَطْهَرُ لِقْلُوبِكُمْ وَلِقُلُوبِهِنَّ وَمَا كَانَ كُمْ هُنْ ثُؤُدُوا رَسُولَ اللَّهِ وَلَا هُنْ شَكِحُوا أَزْوَاجَهُ مِنْ بَعْدِهِ أَبْدَاهُ إِنَّ ذَلِكُمْ كَانَ عِنْدَ اللَّهِ عَظِيمًا

bermaksud:

Dan apabila kamu meminta sesuatu yang harus diminta dari isteri-isteri Nabi maka mintalah kepada mereka dari sebalik takbir. Cara demikian lebih suci bagi hati kamu dan hati mereka. Dan kamu tidak boleh sama sekali menyakiti Rasul Allah, dan tidak boleh berkahwin dengan isteri-isterinya sesudah ia wafat, selama-lamanya. Sesungguhnya segala yang tersebut itu adalah amat besar dosanya di sisi Allah.

Imam al-Qurtubi telah mentafsirkan ayat di atas dengan menyatakan bahawa perasaan yang timbul daripada kaum lelaki dan perempuan atau sebaliknya, oleh itu, dengan cara demikian ia dapat mengelakkan diri daripada perasaan bimbang, fitnah dan syak wasangka (al-Qardhawi 1983). Hal ini juga dinyatakan dalam al-Quran. Firman Allah SWT (al-Ahzab 33: 32):

يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُنَ كَاحِدٌ مِنَ النِّسَاءِ إِنْ أَتَقَيَّثَنَ فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعُ الَّذِي فِي قَلْبِهِ
مَرَضٌ وَقَلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا

bermaksud:

Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertakwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu), dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan).

Di dalam hadis juga terdapat dalil-dalil yang berkaitan dengan larangan khalwat. Hadis Rasulullah saw (al-Bukhari 1987):

باب لا يخلون رجل بأمرأة إلا ذو حرم والدخول على المعيبة

Jangan kamu bersunyi-sunyian di antara lelaki dan perempuan melainkan dengan orang yang mahram dan kamu juga dilarang daripada keluar masuk rumah seorang perempuan yang ketiadaan suaminya.

Hadis tersebut (al-Tirmidhi t.th) menyatakan:

لا يخلون رجل بأمرأة لاتحل له فان ثالثهما الشيطان

Janganlah kamu bersunyi-sunyian dengan perempuan yang tidak halal bagi kamu kerana sesungguhnya orang yang ketiga bagi mereka berdua ialah syaitan.

Hadis ini menjelaskan tentang larangan duduk berdua-duaan di antara lelaki dan perempuan kerana syaitan adalah yang ketiga bagi mereka berdua. Ia adalah makhluk Allah SWT yang telah bersumpah untuk menggoda keturunan Nabi Adam supaya melakukan kejahanatan dan mengikut jalan yang salah. Sabda Rasulullah saw (al-Haythamin1992):

إياك والخلوة بالنساء والذي نفسى بيده ما خلا رجل بأمرأة إلا دخل الشيطان بينهما

Janganlah kamu berkhawlāt dengan wanita. Demi Allah yang jiwaku ada di tangan, tidak boleh terkumpul seorang lelaki dan seorang perempuan di satu tempat (bersendirian) kecuali syaitan mendampinginya (menggoda).

Ibn ‘Abbas meriwayatkan bahawa Rasulullah saw bersabda (al-Bukhari 1987):

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا يَخْلُونَ أَحَدُكُمْ بِامْرَأَةٍ إِلَّا مَعَ ذَيْ مَحْرَمٍ

Rasulullah saw bersabda “Janganlah sekali-kali seorang lelaki di antara engkau semua itu menyindiri dengan seorang wanita melainkan harus ada mahramnya bersama-sama wanita tadi.

Rasulullah saw juga bersabda (al-Tirmidhi 1987):

لَا تَلْجُوا عَلَى الْمُغَيَّبَاتِ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَجْرِي مِنْ أَحَدِكُمْ بِمَحْرَمِ الدَّمِ

Dan janganlah kamu memasuki rumah isteri-isteri yang ditinggal pergi oleh suaminya (tanpa suami), syaitan dapat berjalan di dalam tubuh kamu seperti peredaran darahmu.

Sabda Rasulullah saw lagi:

إِيَاكُمْ وَالذُّخُولُ عَلَى النِّسَاءِ فَقَالَ رَجُلٌ مِّنَ الْأَنْصَارِ : يَا رَسُولَ اللَّهِ أَفَرَأَيْتَ الْحَمْوَ قَالَ : الْحَمْوُتُ الْمُوْتُ

Hindari kamu daripada masuk ke tempat perempuan. Maka seorang lelaki Ansar bertanya ya Rasulullah saw bagaimana pendapatmu tentang ipar? Maka jawab Rasulullah “ Bersendirian dengan ipar itu sama menjumpai mati iaitu kerosakan.

Di dalam hal ini, Nabi saw menjelaskan bahawa khalwat yang dilakukan di antara ipar dengan perempuan yang merupakan isteri kepada salah seorang kaum keluarganya, adalah dilarang sama sekali sehingga ia diibaratkan seperti menemui maut (Abu al Husayn al-Qushairi al-Nisaburi Muslim Ibn al-Hajjaj 1981). Ini adalah kerana perbuatan tersebut boleh membawa kemusnahan kepada agama dan talian persaudaraan di antara mereka. Al-Qurtubi menyatakan bahawa yang dimaksudkan dengan maut kepada agama atau maut kepada wanita itu apabila diceraikan oleh suaminya ataupun mungkin dia akan direjam sekiranya berzina dengan ipar tersebut (al-‘Ayni t.th).

Antara nas-nas Syarak mengenai pengharaman perbuatan tidak sopan adalah firman Allah SWT (Surah al-An‘am 6 : 15):

فُلْ إِنِّي أَخَافُ إِنْ عَصَيْتُ رَبِّي عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ

bermaksud:

Katakanlah: “Sesungguhnya Aku takut jika aku derhaka kepada Tuhan, (akan dikenakan) azab hari yang besar (hari kiamat).

Ayat di atas jelas mengharamkan segala kejahatan sama ada secara zahir dan batin. Perbuatan tidak sopan adalah salah satu bentuk kejahatan yang boleh membawa berlakunya zina. Perbuatan tidak sopan merupakan suatu jenayah di sisi syarak kerana ia boleh mendorong sesuatu untuk melakukan zina. Seterusnya ayat al-Quran (al-Isra 18 : 32). Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرُبُوا الزِّنَةِ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

bermaksud:

Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).

Berdasarkan ayat di atas jelaslah bahawa Allah SWT melarang hamba-Nya daripada menghampiri zina. Islam melarang keras perbuatan zina kerana ia boleh menimbulkan masalah keturunan, menghancurkan rumah tangga, meretakkan hubungan, meluaskan penyakit *siplis*, kejahanan nafsu dan merosakkan akhlak. Justeru, apa sahaja perkara yang membangkitkan perbuatan zina dan membuka pintu maklumat untuk lelaki dan perempuan yang mendorong mereka melakukan perbuatan keji dilarang oleh Islam.

Kesalahan jenayah perbuatan tidak sopan yang dimaksudkan dalam perbincangan sebelum ini merupakan suatu siri ke arah melakukan perbuatan zina, sedangkan perbuatan zina itu satu perbuatan yang diharamkan oleh Allah SWT Berlainan dengan khalwat, perbuatan kelakuan tidak sopan tidak disebut secara khusus sama ada di dalam al-Quran, hadis atau dalil-dalil lain.

Aishah r.ah. meriwayatkan dalam sebuah hadis yang berbunyi:

وَمَا مسَتْ يَدُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَدُ امْرَأَ إِلَّا امْرَأَ يَمْلِكُهَا

Tangan Rasulullah saw tidak pernah menyentuh tangan seorang perempuan kecuali perempuan yang dimiliki.

Berdasarkan hadis ini, difahami bahawa bersentuhan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram adalah diharamkan. Ini menunjukkan bahawa perbuatan yang menjerumuskan kepada perbuatan tidak sopan yang lebih teruk seperti berpelukan dan bercumbuan adalah diharamkan oleh Islam. Setiap perbuatan yang membawa kepada zina adalah salah laku yang boleh disabitkan hukuman. Walau bagaimanapun perbuatan tidak sopan juga menjadi suatu kesalahan dari segi syarak berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri bahawa Nabi saw bersabda:

لَا ضرر و لَا ضرار.

Tiada mudarat dan tidak memudaratkan.

Hadir di atas jelas menerangkan tentang kemudarat yang dilarang. Namun Rasulullah saw tidak menyebutnya secara terperinci. Hal demikian kerana kemudarat itu terdiri daripada pelbagai cara. Secara jelasnya maksud ialah tidak ada kemudarat manakala maksud لا ضرر pula ialah tidak boleh melakukan kemudarat dalam semua keadaan. Namun Mustafa al-Bugha (1998) berpendapat maksudnya ialah seperti berikut:

- i. Jangan melakukan kemudarat;
- ii. Jangan melakukan kepada orang lain dan janganlah pula membalaunya tetapi serahkan perkara itu kepada pihak yang berkenaan; dan
- iii. Jangan mengerjakan sesuatu yang berguna kepada diri sendiri, tetapi mendatangkan atau kesusahan kepada orang lain. Jangan pula mengejarkan sesuatu yang semata-mata menyusahkan orang lain sedangkan orang lain yang mengerjakannya tidak pula mendapat faedah.

Di sini, jelaslah bahawa kejahatan yang diterangkan di dalam nas-nas tersebut adalah berbentuk umum. Ini bermakna Allah SWT melarang hambanya daripada menghampiri semua bentuk kejahatan terutamanya zina.

Kesimpulannya khalwat dan perbuatan tidak sopan merupakan perbuatan yang diharamkan oleh Islam kerana ia mendorong ke arah melakukan maksiat yang lebih besar iaitu zina di samping merosakkan keharmonian dan perpaduan masyarakat. Pengharaman perbuatan ini dapat dikuatkan lagi dengan kaedah fiqh iaitu;

ما أدى إلى الحرام فهو حرام

Menurut prinsip yang digunakan dalam kaedah fiqh ini, apa sahaja yang membawa kepada haram ia adalah haram (al-Qaradawi 1980). Hukum zina adalah haram, justeru apa sahaja yang membawa ke arah melakukan perbuatan tersebut di dalam mana-mana kes perbuatan khalwat dan perbuatan tidak sopan ia adalah haram.

HIKMAH PENGHARAMAN KHALWAT DAN PERBUATAN TIDAK SOPAN

Allah SWT tidak menjadikan dan mencipta sesuatu perkara dengan sia-sia. Oleh sebab itu larangan-Nya kepada manusia terhadap perkara tertentu mempunyai hikmah yang tersendiri. Dalam pengharaman khalwat dan perbuatan tidak sopan, terdapat hikmah-hikmah tersembunyi yang perlu diteliti agar faedahnya dapat dilihat dengan jelas kepada manusia. Perbuatan khalwat dan perbuatan tidak sopan yang berleluasa akan menyebabkan gejala yang buruk kepada masyarakat, sekiranya tidak diatasi dengan segera. Apabila keadaan ini berlaku, akan lunturlah nilai-nilai kehidupan keseluruhan dan akhirnya berlakulah kemusnahan dan keterlanjuran di dalam masyarakat (Daud 1996). Akibat daripada keburukan-keburukan tersebut, Allah SWT telah mengharamkan khalwat dan perbuatan tidak sopan. Antara hikmah daripada pengharaman tersebut adalah untuk menghindari perzinaan, menghalang kelahiran anak luar nikah, dan menghalang pembuangan bayi.

Hikmah yang pertama ialah untuk menghindari perzinaan. Ajaran Islam melarang perbuatan zina kerana ia merupakan salah satu daripada dosa besar dan boleh menjaskan keharmonian sesebuah masyarakat sekiranya dibiarkan berleluasa. Justeru dengan pengharaman khalwat dan perbuatan tidak sopan akan terhindarlah perbuatan zina di dalam masyarakat. Hikmah pengharaman seterusnya ialah untuk menghalang kelahiran anak luar nikah. Punca kelahiran anak luar nikah ialah kerana masyarakat tidak mengambil berat hubungan bebas antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram. Persepsi masyarakat hari ini menganggap hubungan bebas itu adalah cara hidup yang moden. Buktinya, pada masa sekarang anak-anak muda melakukan perkara yang dilarang dalam Islam seperti berpegangan tangan, berpelukan dan terdapat juga mereka yang tidak mempunyai perasaan malu melakukan aksi bercumbuan di khalayak ramai. Kesan daripada perbuatan khalwat dan perbuatan tidak sopan tersebut akan menjurus kepada perzinaan dan menyebabkan kelahiran anak luar nikah. Menurut laporan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) terdapat lebih 257,000 sijil kelahiran didaftarkan tanpa catatan nama bapa, sejak tahun 2000 hingga pada bulan Julai 2008. Ini bermakna secara purata, 2,500 kes anak luar nikah direkodkan pada setiap bulan (Rejal Arbee 2010).

Antara hikmah lain ialah menghalang pembuangan bayi. Gejala pembuangan bayi kini begitu berbeza senarionya memandangkan pembuangan bayi ini dilakukan atas desakan hawa nafsu manusia itu sendiri yang terlibat dengan aktiviti perzinaan hasil daripada pergaulan bebas masyarakat pada hari ini (Hashim, Khairulhelmi & Mohd Fahmi 2008) Contoh paling memilukan apabila terdapat bayi yang dibakar di tempat pembuangan sampah dan dibuang sehingga menjadi makanan kepada burung-burung gagak (Utusan Malaysia 22

Mac 2011). Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan 396 kes dicatatkan dari 2005 hingga tahun 2010. Ia menunjukkan *trend* peningkatan walaupun ada penurunan pada 2007. Sebanyak 67 kes dilaporkan pada 2005, 83 kes (2006) yang menurun kepada 65 kes pada 2007, 102 kes (2008) dan 79 kes (2009) (Rohanizah & Umi Nadirah 2010).

Selain itu pengharaman khalwat dan perbuatan tidak sopan adalah untuk menjamin keturunan yang baik. Perbuatan zina boleh mempengaruhi perkahwinan dan hubungan kekeluargaan. Perzinaan ini akan mengakibatkan berlaku percampuran nasab. Anak yang lahir hasil perbuatan ini sukar untuk ditentukan nasab keturunannya (Zaid Hussin Al-Hamid 1984). Melalui perbuatan zina ini juga akan mengakibatkan kelahiran keturunan yang tidak terjaga. Mereka yang melakukan zina akan mengabaikan tanggungjawab terhadap anak-anak yang lahir daripada perbuatan tersebut. Anak-anak itu juga akan mewarisi sifat buruk ibunya dan pastinya tidak mendapat pendidikan yang sempurna dan tersisih daripada ahli keluarga yang lain. Mereka juga akan menjadi mangsa kebencian dan cemuhan masyarakat.

Hikmah seterusnya ialah untuk menjamin kehidupan sihat. Hubungan seks bebas boleh membawa kepada beberapa penyakit kelamin yang boleh membawa maut atau melemahkan diri seseorang. Ini akan memberi kesan yang buruk kepada pekerjaan dan ekonomi keluarga. Akibatnya ia bukan sahaja akan menjadikan keluarga malah juga masyarakat. Antara penyakit kelamin yang telah dikenal pasti akibat daripada perbuatan zina ialah *siplis, AIDS, syankroid dan sebagainya* (Abdullah Naseh Ulwan 2003). Penyakit ini tersebar ke seluruh dunia dalam jumlah yang besar dan berbahaya kerana bakteria-bakteria *Siplis* yang sampai ke dalam darah sesudah menembusi kulit dalam masa beberapa saat, ia akan tersebar ke seluruh badan dalam masa seminggu sahaja (Zaid Hussin Al-Hamid 1984). Menurut laporan Kementerian Kesihatan Malaysia 2005, mendapati sehingga Jun 2004 menunjukkan 80% jangkitan terhadap penghidap HIV/AIDS di seluruh dunia adalah disebabkan oleh hubungan seks bebas (Farahwahida & Norazila 2011). Selain itu, seks bebas juga boleh mendatangkan penyakit dalaman yang boleh membawa maut. Penyakit ini akan menyerang sistem kencing dan sekiranya berterusan akan merosakkan hati serta sistem penghadaman dan mengakibatkan mandul.

CARA PELAKSANAAN TAKZIR TERHADAP KESALAHAN KHALWAT DAN PERBUATAN TIDAK SOPAN

Cara pelaksanaan hukuman takzir berbeza-beza bergantung kepada kecil atau besarnya kesalahan yang dilakukan. Secara umumnya antara cara-cara perlaksanaan hukum ini adalah dengan cara memukul, menengking, buang negeri, penjara,

didenda, dicukur kepala dan sebagainya selagi hukuman itu tidak sampai kepada hukuman *had* dan *qisas* (Syeikh Mohamad al-Sharbini al-Khatib 1958). Hukuman takzir adalah hukuman yang tidak ditentukan dan ditetapkan kadarnya oleh syarak kerana ia tertakluk di bawah kuasa hakim secara mutlak mengenai jenis dan kadar hukuman yang akan dijatuhkan (Abu Barakah t.th.). Hakim diberi kuasa untuk menjatuhkan dan menentukan hukuman berdasarkan kearifan dan budi bicara beliau (Said 1996). Oleh kerana khalwat dan perbuatan kurang sopan adalah kesalahan takzir, ia memperlihatkan suatu hukuman yang akan mencapai tahap yang seberat-beratnya dan tahap yang paling ringan. Ini bertepatan sekali dengan matlamat hukuman takzir itu dilaksanakan antara lain bertujuan untuk memberi pencegahan, pemulihan dan pengajaran kepada pesalah.

Di dalam soal menjatuhkan hukuman, al-Syeikh Muhammad Abu Zahrah menyatakan terpulanglah kepada pemerintah atau hakim untuk mengenakan apa-apa hukuman dengan mana-mana kadar yang difikirkan sesuai (Muhammad Abu Zahrah 1974). Ini kerana takzir adalah merupakan hukuman yang tidak ditentukan oleh syarak kadar hukumannya. Peruntukan hukumannya adalah terletak di bawah kuasa pemerintah atau hakim yang mujtahid (Abi Bakr Muhammad al-Sarkhasit t.th.). Jelaslah bahawa pemerintah atau hakim berkuasa untuk menjatuhkan hukuman mengikut budi bicaranya.

Namun keadaan ini berbeza sekali dengan hukuman yang dilaksanakan di Malaysia terhadap kesalahan jenayah khalwat dan perubatan tidak sopan. Di dalam Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992, kesalahan khalwat telah ditetapkan hukum denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali manakala perbuatan tidak sopan dikenakan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan. Walau bagaimanapun bentuk-bentuk hukuman ini masih lagi termasuk dalam kategori hukuman takzir dalam Islam, sebagaimana yang telah diputuskan dalam kes-kes tangkapan khalwat dan perbuatan tidak sopan di negeri Perak. Contohnya di dalam kes *Pendakwa Syarie lwn. Norashikin bt Maslan*. (No. kes 08012-143-0121-2006). Fakta kes adalah sekitar jam 1.40 pagi OKT telah didapati berdua-duaan dengan seorang lelaki yang bukan mahram yang sah di sisi hukum syarak di dalam sebuah bilik hotel No.208 di hotel Cheang Heng, Parit Buntar. OKT telah didapati bersalah dan Hakim telah menjatuhki hukuman sebanyak RM 3000 @ 6 bulan penjara.

Dalam kes *Pendakwa Syarie lwn. Mohd Naim Bin Abu Bakar*. (No. kes 08012-143-0017-2009). Dalam kes ini OKT (Lelaki) didapati bersama-sama seorang perempuan iaitu Fauziah binti Ali di dalam sebuah bilik hotel No.109 Grand Paradise Highway Hotel, KM 191.4, Arah Selatan kawasan Rehat Gunung Semanggol, Lebuhraya Utara Selatan, 34400, Perak. Ketika tangkapan dibuat didapati OKT (L) sedang berbual dengan OKT (Perempuan) walaupun jam pada

waktu itu sudah menunjukkan pukul 1.17 pagi. Perbuatan berbual-bual oleh OKT berlaku di waktu yang tidak munasabah iaitu di awal pagi pada pukul 1.17 pagi. Perbuatan OKT ini adalah perlakuan khalwat. Setelah fakta kes dibentangkan hakim berpuas hati dengan hujah pendakwa dengan mengambil kira wujudnya keadaan yang menimbulkan syak iaitu ianya dilakukan pada awal pagi iaitu di dalam keadaan tidak munasabah seorang perempuan boleh berada dengan lelaki di dalam sebuah bilik hotel. Kedua-dua OKT telah disabitkan dengan kesalahan khalwat di bawah seksyen 54 (1) 54(2) EJSP 1992. Hakim telah menjatuhkan hukum terhadap OKT (L) denda sebanyak RM2,600 atau enam bulan penjara manakala OKT (P) dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM2,500 atau lima bulan penjara.

Dalam kes *Pendakwa Syarie lwn. Zawawi b. Said* .(No. kes 08012-143-0041-2008). Ketika tangkapan dibuat di bilik no. 2 Hotel Pekan Baru, 34200 Parit Buntar, Perak, OKT (L) didapati berada bersama-sama di dalam hal keadaan yang boleh mendatangkan syak melakukan maksiat dengan seorang perempuan bernama Nor Azimah bt Abdul Aziz yang bukan mahram atau isteri yang sah di sisi hukum syarak. OKT (L) dituduh melakukan kesalahan melakukan khalwat yang boleh dihukum di bawah Seksyen 54 (1) Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992. Hakim telah menjatuhkan hukum denda RM 2,800 @ enam bulan penjara.

Contoh-contoh kes perbuatan tidak sopan adalah seperti kes *Pendakwa Syarie lwn. Noor Fatehah bt Ismail*. (No. kes saman 08012-160-122-2009). Fakta dalam kes ini ialah ketika tangkapan dibuat pada jam 5.55 petang di bilik no. 11, Keraoka Cahaya, di Pusat Bandar Bagan Serai, tertuduh didapati di dalam bilik samar-samar bersama dua orang lelaki yang bukan suami atau mahramnya yang sah di sisi Hukum Syarak ketika itu. Oleh itu tertuduh dituduh melakukan kesalahan tidak sopan yang bertentangan dengan Hukum Syarak yang boleh dihukum di bawah Seksyen 57 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992. Hukuman telah dijatuhkan iaitu denda RM500 atau sebulan penjara.

Merujuk kepada perbuatan kurang sopan dalam kes *Pendakwa Syarie lwn. Rohaya Binti Bahari* (No. kes saman 08012-160-0055-2009), elemen duduk berdua-duaan di sebuah pondok di pinggir sungai, Parit Buntar, Perak, di mana OKT didapati sedang duduk di celah kangkang seorang lelaki sambil membiarkan rambutnya dibelai oleh lelaki tersebut yang bukan suami atau mahramnya yang sah di sisi Hukum Syarak ketika itu. Tertuduh dituduh melakukan kesalahan tidak sopan yang bertentangan dengan Hukum Syarak yang boleh dihukum di bawah Seksyen 57 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992, dan jika sabit kesalahan boleh dihukum dibawah seksyen ini. Kedua-dua tertuduh mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM800 atau hukuman sebulan penjara.

Dalam kes *Pendakwa Syarie lawan Abdul Basir bin Mohamad dan Siti Hambritol Afifiy bt Ahmad* (No. kes saman 08012-160-0143-2009), elemen duduk berdua-duaan rapat-rapat sambil mulut lelaki mencium mulut seorang perempuan serta tangan kanan lelaki memegang tangan kanan perempuan yang bukan merupakan pasangan suami isteri ataupun mahram di pinggir sungai, Parit Buntar, Perak, pada jam sekitar 5.05 petang, jelas menunjukkan wujudnya elemen-elemen perbuatan tidak sopan sepertimana yang diperjelaskan tafsirannya di dalam Arahan Amalan. Dengan itu ia merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 57 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992 yang mana sabit kesalahan boleh dihukum di bawah seksyen ini. Kedua-dua tertuduh mengaku bersalah dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak RM700 atau sebulan penjara.

Dalam kes *Pendakwa syarie lawan Mohd Azrin b. Ehasan dan Noraziyah bt Abd Aziz* (No. kes saman 08012-160-0045-2010), kedua-dua tertuduh didapati melakukan kesalahan perbuatan tidak sopan, OKT lelaki didapati duduk rapat dan berdua-duaan sambil memeluk pinggang OKT perempuan yang bukan suami isteri atau mahram di pinggiran sungai, Parit Buntar, Perak pada jam 1.45 petang. Tindakan pasangan ini yang jelas menunjukkan mereka melakukan perbuatan tidak sopan ditambah pula dengan melakukannya di tempat awam yang menjadi tumpuan orang ramai untuk melakukan aktiviti *riadah*. Kedua-dua tertuduh dihukum RM300 atau tiga minggu penjara.

Dalam kes *Pendakwa Syarie lwn. Mohd Azlan Bin Amri dan Deyana Syarfa bt Subargi* (No. kes saman 08012-160-021-2009), kedua-dua tertuduh didapati melakukan kesalahan perbuatan tidak sopan iaitu didapati berdua-duaan dengan rapat sambil bergurau senda di pinggir Sungai Kerian, Parit Buntar, Perak pada jam 2.50. Kedua-duanya dikenal pasti bukan suami isteri atau mahram yang sah di sisi hukum syarak ketika itu, dengan itu mereka dituduh melakukan kesalahan tidak sopan yang bertentangan dengan hukum syarak yang boleh dihukum di bawah Seksyen 57 Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992. Hakim telah menjatuhkan hukuman denda RM300 atau dua minggu penjara. Kes-kes tersebut jelas menunjukkan perbezaan dalam undang-undang pentadbiran adalah dari segi hukumannya sahaja kerana hukuman bagi kesalahan jenayah khalwat adalah lebih berat daripada kesalahan bagi perbuatan tidak sopan. Had-had hukuman yang berbentuk penjara dan denda yang dikenakan telah dinyatakan secara jelas dalam enakmen dan hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman kesalahan jenayah khalwat dan perbuatan tidak sopan selain daripada yang telah ditetapkan oleh enakmen. Perkara ini berbeza pula dalam Islam iaitu hakim berhak mengenakan sebarang hukuman yang dikategorikan sebagai hukuman takzir ke atas kesalahan jenayah khalwat dan perubatan tidak sopan selagi mana hukuman tersebut tidak sampai kepada hukuman hudud dan qisas.

KESIMPULAN

Walaupun terdapat perbezaan dari segi maksud kesalahan khalwat dan perbuatan tidak sopan namun hukuman yang dijalankan di dalam Islam kelihatan sama kerana kedua-dua kesalahan tersebut dikategorikan dalam kesalahan takzir. Wujudnya perbezaan di dalam enakmen bagi kesalahan ini ialah kerana hukuman bagi kesalahan khalwat adalah lebih berat daripada kesalahan salah laku, sama ada dalam bentuk denda atau penjara. Justeru, apa-apa perlakuan yang membawa kepada haram, adalah haram. Perbuatan zina adalah haram dan perkara-perkara yang merupakan *muqaddimah* kepadanya, seperti khalwat dan sesetengah perbuatan tidak sopan adalah haram. Hukuman yang setimpal untuk kesalahan ini adalah dalam bentuk hukuman takzir, sebagaimana yang telah dipersetujui oleh para ulama dan dinyatakan juga dalam Enakmen Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia. Walau bagaimanapun, peningkatan kes-kes kesalahan khalwat dan perbuatan tidak sopan secara tidak langsung menunjukkan bahawa hukuman yang sedia ada seperti kurang memberi pengajaran kepada masyarakat agar menghindari perbuatan tersebut. Pihak-pihak yang berkenaan perlu menganalisis sebab-sebab peningkatan kes tersebut dan menyarankan cara-cara mengatasinya sama ada dengan memberatkan lagi bentuk hukuman sedia ada ataupun menyedarkan masyarakat tentang akibat buruk kesalahan khalwat dan perbuatan tidak sopan kepada pembentukan dan perkembangan sahsiah masyarakat Islam di Malaysia.

RUJUKAN

- _____. 2001. *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- Abd Rahman al-Jaziri. 1969. *Kitab al-Fiqh ‘Ala Mazahib al-Arba‘ah*. Jili 4. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Abdullah Naseh Ulwan. 2003. *Generasi Muda Islam Dan Cabaran Globalisasi*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Abu Abdullah Muhammad. 1980. *Sharah al-Qamani*. Beirut : Dar al-Ihya’ al-Turth al-‘Arabi.
- Abu Bakr Ahmad Ibn. al-Husayn Ibn. ‘Ali-Baihaqi. t.th. *al-Sunan al-Kubra bi al-Bayhaqi wa fi Zaylihi al-Jawhar al-Naqi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Bakr Muhammad al-Sarkhasi. t.th. *al-Mabsut*. Juz. 6. Beirut: Dar al-Ma’rifat.

Abu Barakah Ahmad. t.th. *Al-Sharh al-Saghir*. Mesir: Dar al-Maarif.

Ahmad Ibn Shu‘ay. 1994. *Sunan al-Nasa‘i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Sayuti wa Hashiyat al-Imam al-Sindi*. Beirut: Dar al-Busha’ir al-Islamiyyah.

Ahmad Syawki al-Fanjari. 1987. *al-Ikhtilat fi al-Din wa al-Tarikh wa fi ‘ilm al-Ijtima‘*. Kaherah: al-Hay‘ah al-Misriyah al'-Ammah li al-Kitab.

Ahmad Nasr al-Jundi. 1978. *Mabadi‘ al-Qada‘as-Syar‘i fi Khasina ‘Aman*. Jil. 1. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.

al-‘Ayni, Badr al-Din Mahmud Ibn Ahmad. t.th. ‘Umdat al-Qari, Syarh Sahih al-Bukhari. Juz 16. Beirut: Dar al-Fikr.

al-Bukhari, Muhamad Ibn Ismail. 1987. *al-Jami‘ al-Sahih*. Beirut: Dar Ibn Kathir.

al-Bukhari, Muhamad Ibn Ismail. t.th. *Sahih al-Bukhari*. Juz. 16. Beirut: Dar al-Fikr.

al-Bukhari, Muhamad Ibn Ismail. t.th. *Sahih al-Bukhari*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.

al-Bustani. t.th. Kitab al-Muhit: *Qamus al-Matawil al-Zughah al-‘Arabiyyah*. Jil.1. t.tp.

Amran Kasimin. 1993. *Masalah Sosial dan Hubungannya dengan Didikan Agama*. Kuala Lumpur: Dinie.

Azizi Yahya. 2005. *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Bentong: PTS.

Daud Mohd Salleh. 1996. *Kepentingan Memisahkan Lelaki Dan Perempuan*. Penerbitan al-Masyur.

Enakmen Jenayah Syariah Perak 1992.

Farahwahida Mohd. Yusof & Norazila Binti Sugiman. 2011. Persepsi Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam Terhadap Amalan Seks. *Journal of Education Psychology & Counseling*.

al-Haythamin, ‘Ali bin Abu Bakr. 1992. *Majma‘ al-Zawa‘id wa Manba‘ al-Fawa‘id*. Beirut : Dar al-Fikr.

- Hashim Haji Bedu, Khairulhelmi Katip & Mohd Fahmi Mohd Sahid. 2008. *Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga; Isu Dan Cabaran*. Seminar Kaunseling Keluarga.
- Hasliza Hassan & Ratinawati Rasidi. t.th. Laporan Khas: Kewaja kalis tohmahan demi bantu gadisterlanjur.<http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Empatlagikesbuangbayi/Article/> [24 Mei 2012].
- Ibn Hibban, Abu Hatim, Muhammad bin Hibban bin Ahmad. 1993. *Sahih Ibn Hibban*. Syunt. Shuib al-Arna`ut, Beirut: Muasasah al-Risalah.
- Ibn Manzur, Muhammad b. Jalal al-Din. 1967. *Lisan al-'Arab*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Fikr. Fikri al-'Arabi.
- Ibn Qudamah, Abu Muhamad 'Abdullah Ibn Ahmad. t.th. *al-Muqni li Ibn Qudamah*. Jil. 7. Kaherah: Maktabah al-Kaherah.
- Ibrahim al-Jamal. 1990. *al-Khatabah al-Mua'sarah*. Kaherah: Maktabah al-Iman.
- Imam Malik Ibn Anas. 1989. *al-Muwatta'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Laporan Perangkaan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman 2005-2010.
- R e j a l A r b e e . h t t p : / / w w w . b h a r i a n . c o m . m y / a r t i c l e s / RMKe10diharapberipenekananmasalahsosial/Article/ [24 Mei 2012].
- al-Marbawi, Muhamad Idris Abdul Rauf. t.th. *Qamus al-Marbawi*. Mesir: Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Mahy ad-Din Sabir. t.th. *Kamus Mu'jam al-'Arabi al-Asasi*.
- Malik Ibn Anas. 1991. *al-Muwatta'*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Md. Saleh Hj. Md @ Hj. Ahmad. 2006. *Hukum Islam Dan Budaya Tempatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Feqh dan usul, UM.
- Memorandum mengenai isu “Perangai samseng sekolah” Kesatuan Khidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia.
- Muhamad 'Abd Rahman Ibn 'Abd ar-Rahim al-Mubarakfuri. t.th. *Tuhfah al-Ahuza bi Syarh Jami'at-Tarmizi*, Juz. 8. Madinah: al-Maktabat al-Salafiyah.

- Muhamad Abu Zahrah. 1958. *Muhadarat fi Aqd al-Zawaj wa Atharuhu*. Ma'had al-Dirasat al-Arabiayah al 'Aliayyah.
- Muhamad Amin Syahir Ibn 'Abidin. 1996. *Hasyiyah Ibn 'Abidin*. Jil 3. Mesir: Syarikat Maktabah Wa Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Muhamad 'Abd al-Rahman Ibn Ahmad 'Abd al-Rahim al-Kafuri. t.th. *Tuhfah al-Ahwazi Syarh Jami al-Tarmidhi*. Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Muslim, Abu al-Husayn, Muslim bin al-Hajjaj al-Nasaiburi. *al-Sahih*. Beirut: Dar al-Jil & Dar al-Afaq al-Jadidah. Kitab al-Salam.
- Mustafa al-Bugha. 1998. *al-Wafi fi Sharah al-Arba'in al-Nawawiyyah*. Beirut: Dar Ibn Khasir.
- al-Nasa'i. 1994. *Sunan al-Nasai'i bi Sharah al-Hafiz Jalal al-Din al-Sayuti wa Hashiyat al-Imam al-Sindi*. Beirut: Dar al-Busha'ir al-Islamiyyah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1980. *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1983. *Ghayr Muslimin fi al-Mujtama' al-Islam*. Beirut: Dar al-Mu'assasah al-Risalah.
- Said al-Shartibi. t.th. *Aqrab al-Mawarid*, hlm 300, lihat juga Mohd Shukri Hanpi. 2003. *Kamus Istilah Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud, Qisas & Takzir)*. Kuala Lumpur: Zabra.
- al-Sharbini, Syeikh Mohamad al-Khatib. 1958. *Mughni al-Muhtaj ila Ma' rifah Ma'ani Alfaz al Minhaj*. Juz. 4. Mesir: Mustafa al-Bab al-Halabi wa Auladah.
- Said Hj Ibrahim. 1996. *Qanun Jenayah Syar'iyah Dan Sistem Kehakiman Dalam Perundangan Islam Berdasarkan Al-Quran Dan Hadis*. Kuala Lumpur: Darul Ma'rif.
- Siti Hajar Haji Ibrahim. 2002. *Bimbingan pendidikan seksual untuk remaja Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa.
- Supriadi. 1998. *Gejala Sosial Pandangan Dan Penyelesaian Menurut Islam*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

- Teuku Iskandar. 2000. *Kamus Dewan*. 2000. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Tirmidhi, Abu ‘Isa, Muhammad bin Isa. t.th. *Sunan al-Tirmidhi*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath.
- Zaid Hussin Al-Hamid. 1984. *Dosa-Dosa Besar Dalam Islam*. Surabaya: Al-Qo’noah Surabaya.
- Zainal Abidin Safarwan. t.th. *Kamus Besar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Zakaria Stapa. 2001. *Akidah dan akhlak dalam kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.